

WARISAN PERUBATAN SILAM

Antara perubatan moden dengan perubatan tradisional, yang manakah lebih baik? Banyak orang tidak memedari bahawa ilmu perubatan moden banyak berasaskan ilmu pengetahuan daripada perubatan tradisional. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa satu per empat daripada ubat-ubatan yang mendapat preskripsi doktor mengandungi ekstrak tumbuhan atau bahan aktifnya diperolehi daripada bahan alam semula jadi secara tradisional. WHO juga menganggarkan bahawa hampir 80 peratus penduduk dunia masih bergantung pada ubat-ubatan tradisional, seperti herba, akar kayu dan rumpal, untuk meniaga kesihatan.

Pemulihan kesihatan dengan rawatan yang menggunakan berbagai-bagai jenis bahan semula jadi menjadi satu daripada warisan ilmu pengetahuan silam yang dapat dimanfaatkan pada zaman moden jika dipelajari dan disesuaikan penggunaannya. Masyarakat Melayu di Malaysia telah lama menggunakan ramuan semula jadi sebagai satu daripada teknik atau kaedah penjagaan kesihatan dan penyembuh pelbagai jenis penyakit.

Inspirasi Perubatan daripada Manuskrip Lama Satu daripada sumber yang digunakan untuk memahami doktrin perubatan Melayu

ialah manuskrip lama yang menceritakan teori dan amalan sistem perubatan. Ilmu perubatan Melayu dicatat dalam manuskrip Jawi sejak abad ke-17. Manuskrip yang terkenal pada abad itu ialah *Bustan al-Silatin*, atau nama penuhnya *Bustan al-Silatin fi Dhikr al-Awvalin wa al-Akhirin*. Kitab ini merupakan karya ensiklopedia yang menghimpunkan ilmu tentang anatomi dan perubatan. Kitab karangan ulama terkenal Svehki Nuruddin al-Raniri ini dipercayai ditulis pada tahun 1638 atas perintah Sultan Iskandar Thani di Pahang.

Bustan al-Silatin ialah satu daripada contoh teks perubatan Melayu yang rasional dan saintifik. Teks ini tergolong dalam perubatan Melayu yang berkesan kerana mempunyai sistem yang cekap, asas teori yang konsisten, serta ditulis dengan lebih sistematik. Para pengkaji kitab ini disarankan untuk mendalami proses pembelajarannya, mempraktikkan latihannya, serta mempunyai pengiktirafan khusus

untuk mengamalkannya. Hal ini berbeza daripada pengamal perubatan yang mengamalkan ilmu perubatan tidak rasional atas faktor keturunan, mimpi, bantuan alam ghaib, atau makhluk halus yang tidak dipastikan keberkesannya.

Inspirasi Perubatan daripada Haiwan

Masyarakat zaman dahulu sering menjalankan pemerhatian terhadap tingkah laku haiwan, terutama haiwan sakit yang memakan sesuatu jenis tumbuhan untuk merawat penyakit. Kajian membuktikan bahawa haiwan mempunyai kebolehan luar biasa untuk mengubati penyakitnya secara semula jadi. Terdapat cabang sains tentang kajian perilaku haiwan yang semakin berkembang yang disebut sebagai *zoopharmacognosy*. Para saintis dalam bidang ini membuat kajian spesifik tentang haiwan yang menjadi doktor kepada dirinya sendiri. Hal ini demikian kerana haiwan itu tahu menggunakan dedaun, akar, benih, dan mineral pada tumbuhan semula jadi untuk mengubati dirinya yang sedang sakit.

Penyelidik memperoleh penemuan berharga semasa

membuat pemerhatian terhadap seekor gajah betina di Afrika yang sedang bunting. Gajah betina itu dilihat berjalan sejauh 27 kilometer untuk memakan daun dan kulit kayu pada tumbuhan dari kumpulan Boraginaceae. Beberapa hari selepas kejadian itu, gajah betina itu berjaya melahirkan seekor anak gajah yang besar dan sihat. Dengan itu, para penyelidik membuat kesimpulan bahawa tumbuhan *borage* dapat membantu memudahkan proses kelahiran. Tumbuhan itu dipakejkan sebagai minuman herba dan digunakan oleh wanita yang akan melahirkan anak.

Konsep Perubatan Tradisional Orang Melayu

Konsep orang Melayu tentang ubat mencakup pelbagai pengertian. Antaranya termasuklah ubat berperanan sebagai bahan yang dapat digunakan untuk mencegah dan merawat penyakit. Ubat juga termasuklah antidot atau penawar terhadap penyakit yang disebabkan oleh unsur toksik di dalam badan, seperti racun, senjata beracun dan gigitan binatang berbisa. Selain perkataan ubat, konsep lain yang selalu juga digunakan ialah penawar, yang lazimnya merujuk ubat yang khusus bertindak sebagai antidot. Harus diingat juga bahawa ubat untuk seseorang itu mungkin racun kepada orang lain.

Makanan juga dianggap sebagai ubat kerana dapat mempengaruhi sistem badan manusia. Kesihatan dan penyakit berpunca daripada amalan pemakanan. Dalam *Bustan al-Silatin*, pengarangnya lebih mengutamakan pemakanan yang sihat berbanding dengan

pengambilan ubat untuk penjagaan kesihatan. Dipercayai bahawa amalan pemakanan yang baik akan menjadi mekanisme bersifat luaran yang dapat mempengaruhi kesihatan secara langsung. Kita tidak digalakkan untuk mengambil ubat, melainkan jika tubuh benar-benar memerlukan. Badan yang sakit tidak semestinya memerlukan ubat kerana antara sifat ubat termasuklah mengubah sifat tubuh badan dan meninggalkan kesan sampingan.

Ahli perubatan tahu bahawa badan mempunyai keupayaan untuk mengembalikan keseimbangan jika diberi unsur luaran dan dalaman yang sesuai. Setiap makanan atau ubat-ubatan mempunyai keupayaan tersendiri untuk menyembuhkan penyakit dan hal tersebut bergantung pada unsur yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, penting untuk kita mendalami ilmu pengetahuan tentang khasiat dan kebaikan amalan pemakanan serta ubat-ubatan mengikut ilmu sains dan farmakologi.

Dalam perubatan tradisional, bahan yang paling banyak digunakan datang daripada tumbuhan, diikuti oleh haiwan dan kemudian bahan mineral. Bahagian tumbuhan yang digunakan ialah daun, bunga, akar, batang, biji, kulit kayu, buah, air atau jus buah, akar tunjang, akar rerambut, sekaput buah, duri, getah, sabut, isi, isi rong dan hampas buah. Setiap bahagian ini memiliki khasiatnya yang tersendiri sebagai ubat atau penawar penyakit. Bahagian haiwan yang digunakan pula terdiri daripada organ dalaman, tanduk, kulit, minyak dan sebagainya. Mineral juga digunakan sebagai bahan penting

dalam farmakologi Melayu, seperti garam, bauksit, sulfur, kapur, dan galian berharga yang lain, seperti emas dan perak.

Masyarakat Melayu banyak menanam tumbuh-tumbuhan yang mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai ubat-ubatan. Tumbuhan yang lazim terdapat dalam pemakanan orang Melayu ialah betik, pisang, kunyit, bawang dan cili, yang memiliki beberapa kualiti farmasutikal yang berpotensi untuk dikomersialkan sebagai ubat-ubatan. Betik (*Carica papaya L. Caricaceae*) berupaya melegakan sembelit dan air rebusan daun betik muda mampu melancarkan dan menambahkan susu bagi ibu yang menyusukan bayi mereka dengan susu badan. Bijinya dimakan untuk dijadikan sebagai ubat cacing, terutama bagi kanak-kanak. Getah daripada batang betik digunakan untuk mengubati gatal-gatal pada kulit dan kudis, terutama kudis-buta. Pucuk betik yang dicelur dapat dibuat ulam dan dipercayai mampu merampungkan pinggang, terutama bagi kaum wanita yang mementingkan kecantikan.

Hasil penyelidikan kumpulan Dr. Soobitha Subenthiran dari Institut Penyelidikan Perubatan, Malaysia, mendapati bahawa jus daun betik dapat meningkatkan bilangan sel platelet darah pesakit demam denggi. Hal ini disimpulkan berdasarkan kajian klinikal terhadap 228 orang pesakit demam denggi dan demam denggi berdarah di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. Sebahagian daripada pesakit tersebut diberi 50 gram jus daun betik selama tiga hari berturut-turut. Didapati bahawa pesakit yang menggunakan minuman jus



Dewan Budaya Oktober 2015

daun betik mempunyai kadar bilangan sel platelet yang lebih tinggi berbanding dengan pesakit yang tidak mengambilnya. Ternyata bahawa penemuan ini memberikan kesan yang baik untuk bidang perubatan moden kerana hingga kini, kaedah rawatan demam denggi hanya dengan kaedah pemindahan cecair atau darah.

Pemerhatian British tentang Perubatan Tradisional Melayu

Dr. JD Gimlette, pegawai perubatan British tahun 1900-an yang berkhidmat di Tanah Melayu, menekankan bahawa perubatan tradisional Melayu perlu dikekalkan biarpun banyak orang Inggeris menganggap kaedah ini sebagai kolot dan tidak sehebat perubatan moden. Dr. Gimlette tidak memandang rendah kebolehan orang Melayu merawat penyakit secara tradisional biarpun dia sendiri berlatarbelakangkan dan berpendidikan Barat.

Pada masa kedatangan orang British di Tanah Melayu, penyakit tropika, seperti beri-beri dan malaria, sedang menular dengan meluasnya sehingga British mengalami kesukaran untuk mengawalinya. Namun demikian, berdasarkan pemerhatian Dr. Gimlette, orang Melayu tahu bahawa penyakit malaria itu datang daripada nyamuk dan mengambil langkah proaktif dengan mengasapi rumah mereka melalui pembakaran batang padi semasa musim menuai. Cara ini ternyata sangat berkesan untuk menjauhkan nyamuk daripada mendiami rumah mereka dan kawasan sekeliling. Orang Melayu juga gemar membela ikan di sawah padi agar ikan itu

dapat memakan semua larva nyamuk yang cuba membiak melalui takungan air. Mereka juga membersihkan semak samun dan hutan belukar untuk mengawal pembiakan nyamuk. Amalan ini sama dengan kaedah biologi untuk mengawal vektor pembawa penyakit.

Dr. Gimlette berfikir terbuka terhadap bomoh dan menyifatkan bahawa tidak adil bagi orang Inggeris untuk menganggap bomoh sebagai ahli sihir yang meracun orang kampung untuk kepentingan diri sendiri. Dr. Gimlette juga membuat persamaan antara amalan bomoh dengan doktor apabila bomoh turut menyediakan penawar untuk pesakitnya dan pengetahuan mereka tentang ubat-ubatan (dari alam semula jadi) memang luas. Teori bomoh tentang etiologi (kajian tentang punca timbulnya) penyakit tropika kini menjadi konsep sains moden yang berkaitan dengan parasit, seperti protozoa yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, kecuali dengan menggunakan mikroskop. Di sini kita dapat melihat bahawa Dr. Gimlette berusaha meletakkan kewajaran pada amalan perubatan tradisional dan perubatan moden.

Perubatan Moden

Rawatan perubatan yang menggunakan ubat moden sebenarnya memerlukan masa bertahun-tahun dalam proses penyelidikan dan pembuatan bagi memastikan penggunaannya selamat. Kos untuk mencipta satu ubat moden boleh menelan wang berjuta-juta ringgit dan kesan sampingannya juga barangkali dapat memudaratkan mereka yang menggunakannya. Oleh sebab itu, syarikat farmaseutikal moden turut meneliti kaedah

perubatan tradisional untuk mencipta ubat-ubatan semula jadi berasaskan kefahaman masyarakat zaman dahulu merawat penyakit. Mereka turut meningkatkan proses menyaring tumbuhan secara intensif bagi mendapatkan bahan yang berguna untuk membuat ubat-ubatan baharu atau meningkatkan mutu ubat-ubatan yang sedia ada lagi.

Sebagai contoh, ubat *artemisinin* yang dikeluarkan daripada pokok herba *Artemisia annua* (*sweet wormwood*) merupakan ubat malaria yang paling berkesan di dunia. Penyelidik Barat mula menyedari kehadiran pokok ini pada tahun 1980-an, sedangkan penduduk Asia sudah berkurun-kurun lamanya menggunakannya untuk mengubati penyakit malaria. WHO akhirnya mengisytiharkan bahawa *artemisinin* selamat digunakan pada tahun 2004 dan mula diedarkan di seluruh dunia dengan berkesannya. Selain itu, ubat aspirin juga mengambil inspirasi daripada tumbuhan semula jadi. Ubat ini merupakan versi sintetik ubat penahan sakit tradisional yang diperbuat daripada kulit kayu pokok willow.

Memang penting bagi penyelidik menjalankan kaedah yang lebih saintifik bagi mengenal pasti unsur alam semula jadi yang dapat dijadikan sebagai ubat dan mempunyai nilai farmaseutikal yang selamat digunakan. Apabila perubatan secara tradisional ini dapat dikaji dan hasilnya mendapat pengiktirafan badan pemantauan yang bertanggungjawab, seperti WHO dan Kementerian Kesihatan, ubat-ubatan ini akan mengelakkan kejadian keracunan dan ketoksikan, serta menjadikannya selamat digunakan. 